

## Aplikasi Ilmu *Ādāb al-Baḥṡh wa al-Munāzarah* dalam Isu Ru'yah Allāh

### *Application of Adab al-Baḥṡh wa al-Munazarah in the Issue of Ru'yah Allah*

Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
mohdsaifalsiddiqi01@gmail.com

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman  
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
smhilmi@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no2.3>

#### **Abstract**

*The issue of ru'yah Allāh is an issue of belief that has long been a place in the debate stage of scholars across sects and streams since the second century of Hijrah. Among the sects that are the main rivals of the Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sect on this issue is al-Mu'tazilah who deny the necessity of ru'yah Allāh either in this world or in the hereafter by using the argument of revelation, reason and language. This issue is very important to pay attention to because it involves an important faith debate. Scholars of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah wa al-Jamā'ah such as al-Abū al-Ḥasan al-Ash'arī (d. 323 H), Abū Ḥāmid al-Ghazālī (d. 505 H), Sa' ad al-Dīn al-Taftāzānī (d. 792 H) and Muḥammad al-Sanūsī (d. 895 H) interacted with them in the form of dialectic and debate centered on the methodology of ādāb al-baḥṡh wa al-munāzarah science. Therefore, this study was written to examine the application of ādāb al-baḥṡh knowledge practiced by the scientist in the issue of ru'yah Allāh to identify the significance of this knowledge in arguing and upholding the truth. This study goes through the process of content analysis of scholarly documents in the science of faith to obtain relevant information. The study found that the methods applied have an important role in disentangling the arguments used, unraveling the errors in arguments and proving the truth of a claim related to the issue of ru'yah Allāh thus helping to break arguments that contradict the Quran and the Sunnah.*

**Keywords:** Knowledge of *ādāb al-baḥṡh wa al-munāzarah*, dialectic method and debate, *ru'yah Allāh*, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, Mu'tazilites

#### **Abstrak**

Isu *ru'yah Allāh* merupakan isu akidah yang telah lama mendapat tempat dalam pentas perdebatan ilmuwan merentas mazhab dan aliran semenjak kurun kedua hijrah. Antara mazhab yang menjadi saingan utama mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah dalam isu ini ialah al-Mu'tazilah yang menafikan keharusan *ru'yah Allāh* sama ada di dunia mahupun di akhirat dengan menggunakan hujah wahyu, akal dan juga bahasa. Isu ini amat penting untuk diberikan perhatian kerana ia melibatkan perbahasan akidah yang penting. Ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah semisal al-Abū al-Ḥasan al-Ash'arī (w. 323 H), Abū Ḥāmid al-Ghazālī (w. 505 H), Sa'ad al-Dīn al-Taftāzānī (w. 792 H) dan Muḥammad al-Sanūsī (w. 895 H) berinteraksi dengan mereka dalam bentuk dialetik dan perdebatan yang berpaksikan metodologi ilmu *ādāb al-baḥṡh wa al-munāzarah*. Oleh itu, kajian ini ditulis bagi mengkaji pengaplikasian ilmu *ādāb al-baḥṡh* yang diamalkan oleh ilmuwan tersebut dalam isu *ru'yah Allāh* bagi mengenal pasti signifikan ilmu ini dalam berhujah serta menegakkan kebenaran. Kajian ini melalui proses analisis kandungan dokumen karya ulama dalam ilmu akidah untuk memperolehi maklumat

berkaitan. Kajian mendapati metode-metode yang diaplikasikan mempunyai peranan yang penting dalam mencerakinkan hujah yang digunakan, merungkaikan kesilapan berhujah serta membuktikan kebenaran bagi sesuatu dakwaan yang berkaitan dalam isu ru'yah Allāh sekali gus membantu mematahkan hujah yang bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.

**Kata kunci:** Ilmu *ādāb al-baḥth wa al-munāzarah*, metode dialektik dan perdebatan, *ru'yah Allāh*, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, Mu'tazilah

## Pendahuluan

Isu *ru'yah Allāh* merupakan isu silam yang membicarakan mengenai keharusan melihat Allah Taala sama ada di dunia atau di akhirat. Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah sama ada dalam kalangan salaf mahupun khalaf bersepakat bahawa Allah Taala boleh dilihat bersandarkan al-Quran, al-Sunnah dan juga logik akal yang sejahtera. Namun, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah tidak bersendirian dalam membincangkan isu ini. Terdapat sebuah kelompok yang bernama al-Mu'tazilah yang menolak keharusan melihat Allah Taala. Bahkan mereka telah bersepakat secara ijmak untuk menolak keharusan melihat Allah Taala dengan mata kasar<sup>1</sup>. Mereka juga mendukung keyakinan mereka ini dengan bersandarkan al-Quran, al-Sunnah dan juga logik akal bagi membuktikan kebenaran keyakinan mereka ini.

Ekoran itu, ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bertungkus-lumus membantah serta bangkit mempertahankan keyakinan yang sebenar dalam isu *ru'yah Allāh* ini melalui beberapa siri perdebatan<sup>2</sup>. Antara ilmuwan awal dalam kalangan al-Ash'arah yang bangkit menentang kebobrokan al-Mu'tazilah ialah Abū al-Ḥasan al-Ash'arī (w. 323 H)<sup>3</sup>. Meskipun sudah terdapat ilmuwan dalam kalangan ahli hadith semisal Aḥmad bin Ḥanbal (w. 241 H) yang turut membantah golongan ini, al-Ash'arī dianggap sebagai antara ilmuwan terawal yang membantah al-Mu'tazilah dengan metode yang membawa pendekatan pengharmonian wahyu dan logik akal. Metode ini berbeza dengan ilmuwan sebelumnya yang lebih menumpukan hujahan menggunakan teks wahyu tanpa menitikberatkan hujahan logik semisal ahli hadith yang tertumpu kepada periwayatan dan juga kelompok yang menggunakan logik akal bahkan menjadikannya neraca melebihi wahyu seperti al-Mu'tazilah. Justeru, metode yang diperkenalkan al-Ash'arī ini merupakan metode yang mengharmonikan antara dua sumber utama dalam menilai kebenaran dalam keadaan menjadi wahyu sebagai induk manakala akal sebagai alat dalam membuktikan kebenaran wahyu<sup>4</sup>. Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad

<sup>1</sup> Al-Ash'arī, Muḥammad bin Ismā'īl, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn, taḥqīq* Na'im Zarzūr, (t.t: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2005), 1:131.

<sup>2</sup> Ibn Khaldūn, 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad, *Muqadimah Ibn Khaldūn, taḥqīq* 'Abdullāh Muḥammad Darwīsh, (Damsyik: Dār Yu'rab, 2004), 2:211-212.

<sup>3</sup> Kamarzaman, M. H., Azmi, M. F., Mahmood, A. R., Stapa, Z., Wan Zakaria, W. F. A., & Ismail, I. (2020). "Terjemahan Kitab *al-Luma'* dan Analisis Perbahasan Ru'yah Allah Menurut al-Ash'ari: Translation of *al-Luma'* and Discussion of *Ru'yah Allah* According to al-Ash'ari," *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 22(1), 14. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol22no1.1>.

<sup>4</sup> Ibn Fūrak (w. 406 H) menerusi *Mujarrad Maqālāt al-Ash'arī* membahagikan ahli hadith kepada dua kelompok yakni kelompok yang hanya menyibukkan diri dengan periwayatan hadith tanpa melibatkan diri dalam perdebatan menggunakan logik akal dan kelompok yang mempunyai kemahiran dalam berdebat dengan kaedah logik akal. Mereka dikenali sebagai *nuzzār aṣḥāb al-ḥadīth*. Kelompok yang pertama pula dikritik oleh Abū Sulaymān al-Khaṭṭābī (w. 388 H) menerusi *Ma'ālim al-Sunan* kerana mereka hanya menumpukan pada menghimpunkan hadith dan periwayatan dalam keadaan tidak memahami dengan kritis hadith-hadith yang mereka himpunkan. Beliau juga mengkritik kelompok ahli kalam dan fiqh yang hanya menumpukan hujah-hujah akal dan kurang menumpukan aspek periwayatan sehingga kadangkalanya mereka berhujah dengan hadith yang tidak sahih. Oleh yang demikian, pendekatan yang dibawa al-Ash'arī ini merupakan pendekatan yang wajar ditonjolkan dan dijadikan contoh kerana beliau berjaya membawa pendekatan yang menghimpunkan antara aspek wahyu dan aspek logik akal. Lihat Ibn Fūrak, *Mujarrad Maqālāt al-Ash'arī*, taḥqīq Aḥmad 'Abd al-Raḥīm, (Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Diniyyah, 2005), 4,

al-Ghazālī (w. 505 H) menyifatkan pendekatan pengharmonian antara wahyu dan akal ini sebagai tindanan cahaya atas cahaya<sup>5</sup>. Ia sebagai signifikan kepada sifat yang dikongsi antara wahyu dan akal iaitu panduan dalam menunjukkan kebenaran. Antara karya al-Ash‘arī yang menjadi tumpuan utama para pengkaji ilmu akidah dalam melihat usaha beliau membantah kelompok al-Mu‘tazilah dalam isu *ru‘yah Allāh* ini ialah *al-Luma‘ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida‘*. Hal ini kerana al-Ash‘arī membawa hujah-hujah yang bersandarkan wahyu dan akal dalam membantah mereka dengan susunan atur yang begitu kritis dan kukuh sekali berbanding karya beliau yang lain seperti *al-Ibānah*, dan *Maqālāt al-Islāmiyyīn*.

Selain beliau, antara ilmuwan lain yang membawa hujah yang kukuh dalam mendepani al-Mu‘tazilah dalam isu ini ialah Abū Ḥāmid al-Ghazālī menerusi *al-Iqtisād fī al-I‘tiqād*, Sa‘ad al-Dīn Mas‘ūd bin ‘Umar al-Taftāzānī (w. 793 H) menerusi *Sharḥ al-Aqā‘id al-Nasafiyyah* dan Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī (w. 895 H) menerusi *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Kubrā* yang juga dikenali sebagai *‘Umdah Ahl al-Tawfiq wa al-Tasdid fī Sharḥ ‘Aqīdah Ahl al-Tawḥīd*. Setelah dilakukan penelitian dan analisis teks terhadap karya-karya tersebut, didapati bahawa kesemuanya mempunyai satu persamaan dalam membentangkan hujah dan mempertahankan keyakinan keharusan *ru‘yah Allāh* ini. Persamaan tersebut ialah kaedah berhujah yang diaplikasikan ilmuwan-ilmuwan tersebut berlandaskan metodologi ilmu *ādāb al-baḥth wa al-munāzarah*<sup>6</sup>. Perkara ini akan dibahaskan dengan terperinci pada sub-topik *‘Pengaplikasian Ilmu Ādāb al-baḥth wa al-Munāzarah dalam Isu Ru‘yah Allāh’*. Berikut adalah pengenalan mengenai ilmu *ādāb al-baḥth* serta signifikan ilmu *ādāb al-baḥth* dalam isu *ru‘yah Allāh* sebagai mukadimah topik utama kajian ini.

### **Pengenalan Ilmu Ādāb al-Baḥth wa al-Munāzarah**

Secara umumnya, ilmu itu digunakan bagi tiga makna utama:

- i. *Al-Idrāk* (Pencerapan)
- ii. *Al-Malakah* (Kemahiran)
- iii. *Al-Masā‘il* (Himpunan perbahasan)<sup>7</sup>

Dalam konteks kerangka ilmu, ilmu bermaksud himpunan perbahasan iaitu ilmu dengan makna yang ketiga. Lafaz *Ādāb* pula merupakan *jama‘* (kata ganda) bagi adab yang bermaksud tatacara, akhlak dan tertib. Lafaz *al-Baḥth* pula secara bahasanya merujuk kepada pencarian<sup>8</sup>. Manakala menurut istilah, *baḥth* bermaksud menanggung satu perkara kepada satu perkara<sup>9</sup> (*ḥaml shai‘ ‘alā shai‘*). Ia bermaksud menghubungkan antara satu perkara dengan satu perkara sama ada cuba menetapkan dan mengisbatkan ataupun menafikannya<sup>10</sup>. Misalnya apabila seseorang itu menyebut ungkapan “Ahmad telah makan”, ia bermaksud penutur itu sedang mengaitkan perbuatan makan dengan Ahmad melalui mengisbatkan perbuatan makan pada Ahmad. Apabila dia berkata “Ahmad tidak minum”, ia bermaksud penutur itu sedang mengaitkan perbuatan minum dengan Ahmad melalui menafikan perbuatan tersebut daripada Ahmad<sup>11</sup>. Lafaz *al-Munāzarah* pula secara bahasa bermaksud perdebatan pada suatu perkara

---

dan Abū Sulaymān al-Khaṭṭābī, *Ma‘ālim al-Sunan*, *taḥqīq* Muḥammad Rāghib, (Aleppo: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1932), 1:3-5.

<sup>5</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *al-Iqtisād fī al-I‘tiqād*, *taḥqīq* Muṣṭafā ‘Imrān, (Kaherah: Dār al-Bashā‘ir, 2008), 70.

<sup>6</sup> Setelah ini akan dirujuk sebagai *‘ādāb al-baḥth’*.

<sup>7</sup> Al-Sayālakūtī, ‘Abd al-Ḥakīm, *Hāshiah al-Muḥaqqiq ‘Abd al-Ḥakīm al-Sayālakūtī ‘alā Hāshiah al-Khayālī ‘alā Sharḥ al-‘Aqā‘id al-Nasafiyyah*, (Kaherah: Dār Mīrāth al-Nubuwwah, 2019), 2:76.

<sup>8</sup> Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad, *Al-Ta‘rīfāt*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983), 42.

<sup>9</sup> Al-Shawqī, Ahmad bin ‘Abdullāh, *Hāshiah al-Shawqī ‘alā al-Fanārī ‘alā Isāghūjī*, (Kaherah: Dār al-Sulṭānah, t.t.), 13.

<sup>10</sup> Al-Jurjānī, *Al-Ta‘rīfāt*, 42.

<sup>11</sup> Dalam ilmu mantik dan juga *ādāb al-baḥth*, pernyataan yang mengisbatkan digelar *qadīyah mūjabah* kerana mempunyai nisbah pengisbatan yang disebutkan sebagai nisbah *ḥukmiyyah ijābiyyah* manakala pernyataan

antara dua pihak<sup>12</sup>. Menurut sarjana dalam bidang ini, ia berasal daripada perkataan al-nazar yang mempunyai tiga makna utama:

- i. Berfikir: Hal ini kerana dalam suatu perdebatan, ia melibatkan cara berfikir antara dua pihak.
- ii. Menunggu (*al-intizār*): Hal ini kerana dalam suatu perdebatan, pihak pembangkang perlu menunggu untuk mendengar dan memahami terlebih dahulu pihak pendakwa ketika berdebat supaya perdebatan yang berlaku berasaskan kefahaman yang benar<sup>13</sup>.
- iii. Keserupaan (*al-naẓīr*): Hal ini kerana perdebatan yang adil hanya dapat berlaku di antara dua individu yang mempunyai taraf yang sama dalam sudut keilmuan<sup>14</sup>.

Manakala melalui aspek terminologi pula, Muḥyī al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (w. 1392 H) mendefinisikan *al-munāẓarah* sebagai perbincangan pada suatu ucapan di antara dua pihak yang saling berusaha membuktikan pandangannya benar dan pandangan pihak lawannya itu tidak tepat dalam keadaan ingin meraih kebenaran<sup>15</sup>. Ismā‘īl Al-Kalanbawī (w. 1205 H) pula mendefinisikannya sebagai pertembungan antara dua pihak pada suatu ucapan untuk menzahirkan kebenaran<sup>16</sup>. Melalui definisi aspek bahasa dan terminologi tersebut, kita dapat memahami bahawa ia merupakan ilmu mengenai tata tertib bagi perbincangan antara dua pihak yang berselisih pandangan terhadap suatu ucapan ataupun idea demi meraih kebenaran. Definisi tersebut juga menunjukkan bahawa ilmu *ādāb al-baḥṭh* tidak terhad untuk perdebatan semata-mata, akan tetapi meratai bagi setiap perbincangan yang mempunyai perselisihan di antara dua pihak. Oleh yang demikian, ia menunjukkan bahawa ilmu ini boleh diaplikasikan dalam semua bidang ilmu shar‘ī kerana kesemuanya mempunyai perselisihan pandangan antara tokoh-tokoh bidang tersebut. Al-Kalanbawī menyifatkan ilmu ini sebagai sebuah kerangka ilmu yang dibincangkan padanya mengenai keadaan perbahasan yang umum dari sudut adakah tingkah laku tertentu pihak yang berselisih itu diterima ataupun ditolak dan ia bertujuan untuk menjaga pihak yang berselisih pandangan itu daripada kesilapan ketika mengutarakan pandangan dan hujah<sup>17</sup>.

Penulis berpendapat bahawa ilmu *ādāb al-baḥṭh* ini merupakan natijah dan lanjutan bagi ilmu mantik. Hal ini kerana ilmu mantik merupakan ilmu yang membantu seseorang itu berfikir dengan cara yang tepat manakala ilmu *ādāb al-baḥṭh* pula merupakan ilmu yang melibatkan pertembungan natijah berfikir yang berbeza antara dua pihak. Ini dikukuhkan lagi melalui penggunaan istilah dalam *ādāb al-baḥṭh* majoritinya merupakan istilah-istilah dalam ilmu mantik bahkan menjadi adat para ulama untuk mempelajari dan mengajari ilmu *ādāb al-baḥṭh* setelah selesai mengajarkan ilmu mantik terhadap pelajar mereka<sup>18</sup>. Oleh itu, ini

---

yang menafikan pula digelar *qaḍīah sālibah* kerana mempunyai nisbah penafian yang disebutkan sebagai *nisbah ḥukmiyyah salbiyyah*. Lihat Al-Kalanbawī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *Sharḥ al-Kalanbawī ‘alā Īsāghūjī*, taḥqīq Jādallāh Bassām, (Amman: Dār al-Nūr, 2016), 75 dan al-Dawwānī, Jalāla al-Dīn Muḥammad bin As‘ad, *Sharḥ al-Muḥaqqiq al-Dawwānī ‘alā Tahdhīb al-Manṭiq*, taḥqīq ‘Abd al-Naṣīr al-Malībārī, (Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, 2014), 175.

<sup>12</sup> Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Mukarram, *Lisān al-‘Arab*, (Beirut: Dār Ṣādir: 1994), 5:217.

<sup>13</sup> Taiai, M. ., & Oruç, R. . (2021). “Uses, Motives, Functions, and Virtues of Silence in Argumentation in Light of Jadal and Ādāb al-Baḥṭh wa al-Munāẓarah,” *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 23(2), 231. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.6>.

<sup>14</sup> Lihat Muṣṭafā ‘Abd al-Nabī, *Al-Inās wa al-Musāmarah ‘alā Risālah Ādāb al-Baḥṭh wa al-Munāẓarah*, (Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, 2021), 8 dan Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 5:216-217.

<sup>15</sup> Muṣṭafā ‘Abd Nabī, *al-Inās wa al-Musāmarah*, 9-10.

<sup>16</sup> Al-Binjawīnī, ‘Abd al-Raḥmān, *Hāshīah al-Binjawīnī ‘alā Risālah Ādāb al-Baḥṭh wa al-Munāẓarah*, taḥqīq Dhunnūn al-Faṭḥī, (Beirut: Dār al-Rayyāḥīn, 2020), 100.

<sup>17</sup> Al-Binjawīnī, *Hāshīah al-Binjawīnī*, 104.

<sup>18</sup> Dapatkan kesimpulan penulis ini selari dengan pandangan Ibn Ṣadr al-Dīn al-Shirwānī (w. 1036 H). Lihat Muḥammad Dhunnūn al-Faṭḥī, *‘Ilm Ādāb al-Baḥṭh wa al-Munāẓarah Manhaj al-Baḥṭh al-‘Ilmī al-Islāmī*, (Amman: Dār al-Faṭḥ, 2018), 18.

membuktikan bahawa ilmu *ādāb al-baḥth* merupakan ilmu yang amat penting untuk dititikberatkan bagi membentuk intelek para ilmuwan yang ingin melibatkan diri dalam arus perdana dunia dialog dan perdebatan.

Sepertimana ilmu mantik terbahagi kepada dua topik utama iaitu topik *al-taṣawwur* dan topik *al-taṣdīq*, begitu juga ilmu *ādāb al-baḥth* kerana sesuatu perdebatan dan perselisihan bermula pada perbezaan dalam memahami topik yang mereka bahaskan. Al-Ghazālī menyebutkan bahawa kebanyakan kesilapan dan kesesatan berpunca daripada kesilapan memahami makna yang dimaksudkan daripada lafaz-lafaz<sup>19</sup>. Oleh yang demikian, sebahagian ilmuwan *ādāb al-baḥth* mendahulukan perbincangan mengenai *al-taṣawwur* khususnya perbincangan *al-ta'rīf* (pendefinisian) dan *al-taqṣīm* (pembahagian) sebelum memasuki perdebatan yang melibatkan *al-taṣdīq*<sup>20</sup>.

Dalam topik *al-taṣdīq*, ilmuwan *ādāb al-baḥth* memfokuskan perbincangan mereka pada kaedah penilaian sesuatu dakwaan serta dalil. Kaedah penilaian tersebut sama ada bersifat menuntut dan meminta dalil bagi sesuatu dakwaan ataupun premis yang dijadikan sebagai komponen sesuatu dalil, ataupun bersifat membatalkan dakwaan dan dalil dengan membuktikan pelazimannya dengan perkara yang batil ataupun membina dalil yang bercanggah dengan natijah bagi dalil pihak pendakwa. Kaedah pertama dikenali sebagai *al-man*<sup>21</sup>, kaedah kedua dikenali sebagai *al-naqḍ*<sup>22</sup> manakala kaedah ketiga dikenali sebagai *al-mu'āraḍah*<sup>23</sup>.

Menurut Ḥājī Khalīfah (w. 1067 H), ilmu ini mula diperkenalkan oleh Rukn al-Dīn Abū Ḥāmid Muḥammad al-'Amīdī al-Ḥanafī (w. 615 H) melalui karya beliau *al-Irshād fī al-Khilāf*

<sup>19</sup> Al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, 106-107.

<sup>20</sup> Metode ini digunakan oleh al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī (w.816 H) dalam *al-Risālah al-Sharīfiyyah fī Ādāb al-Baḥth wa al-Munāẓarah*, Abū Bakr Sajaqlī Zādah (w. 1145 H) dalam *al-Risālah al-Waladiyyah fī al-Ādāb*. Lihat al-Āmidī, 'Abd al-Wahhāb bin al-Ḥusayn, *Sharḥ al-Risālah al-Waladiyyah, taḥqīq* 'Abd al-Ḥamīd al-'Isāwī, (Amman: Dār al-Nūr, 2014), 30-32 dan al-Junghūrī, 'Abd al-Rashīd, *Sharḥ al-Rashīdiyyah 'alā al-Risālah al-Sharīfiyyah fī Ādāb al-Baḥth wa al-Munāẓarah, taḥqīq* 'Alī Muṣṭafā al-Gharābī, (Mesir: Maktabah al-Īmān lil Ṭibā'ah, 2006), 22.

<sup>21</sup> *Al-Man* sama ada *al-man* *al-ḥaqīqī* ataupun *al-man* *al-majāzī*. *Al-Man* *al-ḥaqīqī* didefinisikan oleh al-Kalanbawī sebagai meminta pihak pendakwa untuk memberikan dalil bagi salah satu daripada premis dalilnya. Ia berperanan sebagai istilah untuk meminta pihak pendakwa membuktikan salah satu daripada *al-muqadimmah* atau premis dalilnya seandainya pihak pembangkang meragui kebenarannya. *Al-Man* *al-Majāzī* pula usaha meminta pihak pendakwa memberikan dalil bagi dakwaannya. Oleh itu, *al-man* *al-ḥaqīqī* khusus untuk komponen dalil manakala *al-man* *al-majāzī* khusus untuk dakwaan. Lihat Al-Binjawīnī, *Ḥāshiah al-Binjawīnī*, 128-129.

<sup>22</sup> *Al-Naqḍ* terbahagi kepada *al-naqḍ al-ḥaqīqī* dan *al-naqḍ al-shabīhī*. Al-Kalanbawī mendefinisikan *al-naqḍ al-ḥaqīqī* sebagai membatalkan dalil dengan membuktikan dalil tersebut juga meliputi perkara yang menyalahi dalil itu sendiri ataupun menatijahkan perkara yang mustahil. Abū Bakr Sajaqlī Zādah (w.1145 H) menakrifkannya sebagai dakwaan pihak pembangkang bahawa dalil pihak pendakwa itu batil. Justeru, dapat difahami daripada pendefinisian tersebut bahawa *al-naqḍ al-ḥaqīqī* memfokuskan kepada kebatilan dan kesilapan sesuatu dalil itu sendiri. *Al-Naqḍ al-Shabīhī* pula membatalkan dakwaan pihak pendakwa dengan membuktikan dakwaan tersebut melazimkan perkara yang batil. Oleh itu, dapat difahami bahawa *al-naqḍ al-ḥaqīqī* menumpukan pada dalil manakala *al-naqḍ al-shabīhī* menumpukan pada dakwaan. Lihat Al-Binjawīnī, *Ḥāshiah al-Binjawīnī*, 138-139 dan al-Āmidī, *Sharḥ al-Risālah al-Waladiyyah*, 172.

<sup>23</sup> *Al-Mu'āraḍah* di sisi al-Kalanbawī ialah usaha membina dalil yang menyalahi konklusi dalil pihak lawan. Muḥyī al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd pula mendefinisikannya sebagai usaha pihak pembangkang membina dalil untuk membantah dakwaan pihak pendakwa melalui membuktikan kebenaran ucapan yang berlawanan dengan dakwaannya, ataupun ucapan yang menyamai ucapan yang berlawanan dengan dakwaannya ataupun ucapan lebih khusus daripada ucapan yang berlawanan tersebut. Melalui dua takrifan ini, dapat difahami bahawa *al-mu'āraḍah* merupakan usaha pihak pembangkang membina sebuah dalil untuk membatalkan natijah yang terhasil daripada pihak pendakwa. Lihat Al-Binjawīnī, *Ḥāshiah al-Binjawīnī*, 143 dan Muṣṭafā 'Abd al-Nabī, *Al-Īnās wa al-Musāmārah*, 123-125.

*wa al-Jadal*<sup>24</sup>. Meskipun penulisan lengkap pertama ilmu ini muncul sekitar keenam dan ketujuh hijrah, ia tidak bermaksud kefahaman terhadap ilmu ini belum wujud pada sebelumnya. Hal ini dapat dibuktikan dengan jelas melalui penulisan sarjana-sarjana sebelumnya semisal Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī, Abū Ḥāmid al-Ghazālī dan lain-lain yang jelas menunjukkan mereka menguasai ilmu ini. Justeru, dapat difahami bahawa penulisan lengkap ataupun *al-tadwīn* bagi ilmu ini muncul pada sekitar kurun keenam dan ketujuh dalam keadaan intipati ilmu ini sudah pun difahami dan diamalkan sarjana silam sebelumnya namun belum dibukukan dengan lengkap berserta istilahnya.

### **Signifikan Ilmu *Ādāb al-Baḥth wa al-Munāzarah* dalam Isu Ru‘yah Allāh**

Menurut al-Ghazālī, antara punca kesesatan al-Mu‘tazilah dalam memahami konsep ru‘yah Allāh ialah kegagalan mereka memahami maksud dan definisi *ru‘yah* ataupun melihat serta kegagalan mereka menyedari kesalahan yang lahir daripada dakwaan dan dalil bagi mereka<sup>25</sup>. Bermuara daripada kegagalan dalam memahami makna ‘melihat’ dan kegagalan melihat kebatilan yang melazimi dalil mereka, ia membawa kepada kesilapan dan kesesatan mereka dalam keyakinan mereka terhadap konsep *ru‘yah Allāh*. Ini selaras dengan konsep *al-ḥukm ‘alā shai’ far‘un ‘an taṣawwurihi*. Kesilapan dalam menentukan hukum berpunca daripada kesilapan dalam menentukan makna.

Oleh yang demikian, para ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah menggunakan metodologi yang menekankan konsep tersebut dalam menjawab kepincangan al-Mu‘tazilah serta menyusun hujah-hujah mereka dalam bentuk yang sememangnya menepati topik perbincangan (*maḥal al-nizā’*) serta menjawab keraguan yang dilontarkan. Metodologi tersebut ialah metodologi ilmu *ādāb al-baḥth* yang menekankan konsep *tahrīr al-murād* iaitu penjelasan makna yang dikehendaki sebelum melanjutkan perbincangan tentang penentuan hukum sama ada menerima atau menolak sesuatu pandangan<sup>26</sup>. Ini merupakan induk bagi konsep al-taṣawwur dalam kerangka ilmu *ādāb al-baḥth*.

Selain itu, para ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah juga menekankan tiga konsep perdebatan<sup>27</sup> dalam al-taṣdīq dalam mendepani al-Mu‘tazilah dalam isu ini. Tiga konsep tersebut seperti berikut:

- i. Meminta bukti bagi dakwaan dan dalil yang dibawa pihak al-Mu‘tazilah. Kaedah ini dikenali sebagai *al-Man‘*.
- ii. Membuktikan bahawa dakwaan dan dalil yang dibawa oleh mereka menatijahkan perkara yang batil. Kaedah ini dikenali sebagai *al-Naqd*.
- iii. Membina dalil yang membuktikan kebenaran keyakinan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang bercanggah dengan mereka. Kaedah ini dikenali sebagai *al-Mu‘āraḍah*.<sup>28</sup>

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa metodologi ilmu *ādāb al-baḥth* sememangnya mempunyai peranan dan signifikan dalam berinteraksi dengan isu *ru‘yah Allāh* kerana ia menekankan konsep pemahaman yang benar bagi sesuatu lafaz dan konsep serta mementingkan pelaziman bagi sesuatu dakwaan dan dalil. Ini amat penting bagi mencari kebenaran dalam isu ini.

<sup>24</sup> Ḥāji Khalīfah, *Kashf al-Zunnūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1941), 1:721.

<sup>25</sup> Lihat al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, 281.

<sup>26</sup> Lihat al-Āmidī, *Sharḥ al-Risālah al-Waladiyyah*, 117.

<sup>27</sup> Iaitu *al-Man‘u*, *al-Naqd* dan *al-Mu‘āraḍah*.

<sup>28</sup> Lihat definisi dan penerangan bagi ketiga-tiga konsep ini pada pada nota kaki ke-21, 22 dan 23.

### Pengaplikasian Ilmu *Ādāb al-Baḥth wa al-Munāzarah* dalam Isu Ru'yah Allāh

Dalam sub-topik, penulis akan fokuskan pada empat kitab utama dalam ilmu akidah sepertimana yang telah disebutkan pada awal kajian iaitu *al-Luma'*, *al-Iqtisād*, *Sharḥ al-Aqā'id al-Nasafiyah* dan juga *Sharḥ al-'Aqīdah al-Kubrā* untuk menonjolkan pengaplikasian ilmu *ādāb al-baḥth* oleh ilmuwan kalam dalam mendepani isu *ru'yah Allāh*.

#### Konsep Pertama: *Tahrīr al-Murād* (Penjelasan Makna yang Dimaksudkan)

Dalam *al-Luma'*, al-Ash'arī membawa satu persoalan yang mungkin ditanyakan oleh golongan al-Mu'tazilah. Persoalan tersebut berasaskan keyakinan mereka bahawa Allah Taala tidak boleh dilihat berdasarkan firman Allah Taala dalam ayat ke-103 surah al-An'ām:

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ

Terjemahan: Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata,  
sedang Dia dapat melihat segala yang kelihatan.

Oleh yang demikian, al-Ash'arī berkata seandainya ditanyakan apakah pengertian bagi ayat tersebut, maka jawablah bahawasanya yang dimaksudkan dengan diri-Nya tidak dapat dicapai oleh penglihatan mata itu ialah ketika di dunia kerana al-Quran sesekali tidak mengandungi kontradiksi (*tanāquḍ*)<sup>29</sup>. Oleh itu, apabila Allah berfirman bahawa diri-Nya tidak dapat dilihat dalam ayat ke-103 surah al-An'ām, maka ia tidak bertentangan dengan ayat ke-22 dan 23 surah al-Qiyāmah yang menyatakan diri-Nya itu boleh dilihat kerana konteks *ru'yah Allāh* dalam ayat tersebut merujuk kepada di hari akhirat kelak<sup>30</sup>.

Berdasarkan teks al-Ash'arī tersebut, dapat difahami bahawa beliau sedang mengkoreksi kesilapan dan kepincangan al-Mu'tazilah dalam ayat tersebut dengan menjelaskan maksud bagi ayat itu sendiri. Al-Mu'tazilah menyangka ayat tersebut menunjukkan kemustahilan secara mutlak bahawa Allah Taala dapat dilihat<sup>31</sup>. Atas dasar itu, apabila al-Ash'arī melakukan pemurnian makna yang dikehendaki daripada ayat tersebut, maka ia menunjukkan bahawa tidak ada percanggahan antara ayat al-Quran serta tetap menunjukkan keharusan melihat Allah Taala di akhirat secara akal dan pelazimannya berdasarkan teks wahyu. Proses ini dinamakan sebagai *tahrīr al-murād*.

#### Konsep Kedua: *Al-Man'* (Penegahan)<sup>32</sup>

Antara hujah yang dibawa oleh kelompok al-Mu'tazilah dalam menyokong dakwaan kemustahil *ru'yah Allāh* ialah melihat Allah Taala melazimkan bahawa diri-Nya itu bertempat pada satu arah kerana proses 'melihat' melibatkan penglihatan mata dan mata hanya melihat perkara yang berada pada arah yang boleh dilihatnya. Seandainya Allah berada di suatu arah, maka ia melazimkan Allah itu *jawhar* ataupun *'araḍ* dan ia merupakan perkara yang mustahil<sup>33</sup>.

<sup>29</sup> Menurut al-Taftāzānī, sesuatu kontradiksi hanya berlaku apabila dua kenyataan yang saling bertentangan berlaku pada waktu yang sama. Apabila ternafinya persamaan pada waktu, ternafi juga keberlakuan kontradiksi di sini. Lihat al-Taftāzānī, Mas'ūd bin 'Umar, *Sharḥ al-Risālah al-Shamsiyah Fī Tahrīr al-Qawā'id al-Manṭiqiyah*, taḥqīq Mas'ūd Sa'īdī, (Kuwait: Dār al-Ḍiyā', 2022), 502.

<sup>30</sup> Lihat al-Ash'arī, Muḥammad bin Ismā'il, *al-Luma' Fī al-Radd 'alā Ahl al-Zaygh Wa al-Bida'*, taḥqīq Ḥasan al-Shāfi'ī, (Mesir: Dār al-Ḥukamā' Lil al-Nashr, 2021), 171.

<sup>31</sup> Al-Qāḍī 'Abd al-Jabbār, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah*, taḥqīq Fayṣal 'Awn, (Kuwait: Kuwait University Translation and Publication Committee, 1998), 74.

<sup>32</sup> Lihat nota kaki ke-21 untuk penerangan definisinya.

<sup>33</sup> Al-Qāḍī, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah*, 74 dan Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad, *Sharḥ al-Mawāqif*, taḥqīq Maḥmūd al-Dimyātī, (Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1998), 8:151.

Oleh yang demikian, hujahan pihak al-Mu‘tazilah boleh dirangka dalam bentuk *al-qiyās al-iqtirānī* seperti berikut:

<i>Muqadimmah Ṣughrā</i>	Seandainya Dia dilihat, Dia berada di suatu arah.
<i>Muqadimma Kubrā</i>	Setiap berada di suatu arah merupakan <i>jawhar</i> atau ‘ <i>araḍ</i> ’.
Natijah	Seandainya Allah Taala itu boleh dilihat, maka Dia merupakan <i>jawhar</i> atau ‘ <i>araḍ</i> ’.

Natijah yang merupakan lazim bagi keyakinan Allah Taala boleh dilihat membawa kepada perkara yang mustahil yakni menyifatkan Allah sebagai *jawhar* atau ‘*araḍ*’ dan setiap yang membawa kepada perkara mustahil juga mustahil. Inilah hujah yang dibawa oleh al-Mu‘tazilah dalam isu ini.

Al-Ghazālī menerusi *al-Iqtisād* membatalkan hujahan mereka ini menggunakan konsep *al-man’*. Beliau berkata dakwaan pelaziman Allah Taala bertempat pada suatu arah seandainya Dia dilihat itu tidak boleh diterima (*mamnū’*). Hal ini kerana tidak ada sebarang pelaziman antara melihat dan bertempat<sup>34</sup>. Seandainya mereka berhujahkan bahawa setiap perkara yang dilihat di dunia ini pasti bertempat, nescaya golongan al-mujassimah juga boleh menggunakan hujah yang sama yakni Allah Taala yang merupakan pencipta alam ini pasti berjisim kerana setiap pencipta yang ada di dunia ini hanyalah berbentuk jisim<sup>35</sup>. Oleh yang demikian, sanggahan al-Ghazālī boleh dirangka dalam bentuk berikut:

Premis Yang Tidak Diterima ( <i>Al-Muqadimmah Al-Mamnū’ah</i> )	Seandainya Allah itu boleh dilihat, nescaya Dia akan berada di suatu tempat dan arah.
Penyebab Ia Tidak Diterima ( <i>Al-Sanad</i> ) <sup>36</sup>	Tidak ada sebarang pelaziman antara proses melihat dan bertempatnya perkara yang dilihat.

Melalui konsep *al-man’* ini, pelaziman Allah berjisim yang merupakan pelaziman bagi kenyataan Allah itu bertempat dapat dibatalkan oleh al-Ghazālī. Seandainya al-Mu‘tazilah gagal membuktikan pelaziman tersebut, maka dakwaan dan dalil mereka tidak lagi bernilai dan perlu dipandang. Inilah salah satu metode ilmu *ādāb al-baḥṭh* yang diaplikasikan al-Ghazālī dalam mendepani hujah al-Mu‘tazilah dalam isu ini.

<sup>34</sup> Hal ini kerana melihat merupakan suatu kekuatan mencerap (*al-idrāk*) yang diciptakan oleh Allah Taala pada makhluk lalu sesuatu perkara menjadi jelas dan tampak bagi empunya sifat ini secara adat dan kekuasaan-Nya. Muḥyī al-Dīn al-Nawawī (w. 693) berkata: “Kemudian mazhab ahli kebenaran menyatakan melihat itu merupakan suatu kekuatan yang Allah jadikannya pada makhluk-Nya dan tidak disyaratkan pada melihat untuk bersambung dengan cahaya, tidak juga disyaratkan berhadapan dengan perkara yang dilihat dan tidak juga selainnya. Akan tetapi secara adatnya dalam kita melihat sesama kita dengan sebab ada perkara sedemikian secara kebetulan dan bukannya secara bersyarat. Para ulama kita dalam kalangan ahli kalam telah menetapkan pandangan sedemikian dengan bukti-buktinya yang jelas. Melihat Allah Taala pula tidaklah memestikan dan melazimkan kita untuk menetapkan arah (bagi-Nya. Maha Suci Allah daripada berarah, bahkan orang-orang yang beriman melihat-Nya tanpa Dia berada pada sebarang arah sepertimana mereka mengetahui-Nya tanpa Dia berada pada sebarang arah.”. Berdasarkan teks ini, ia jelas menunjukkan bahawa tidak ada sebarang pelaziman ‘*aqlī*’ antara melihat dan bertempatnya perkara yang dilihat. Lihat Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāṭh al-‘Arabī, 1911), 2:15-16 dan Mohd Saiful Aqil Naim Saiful Amin al-Ṣiddīqī, *Huraian dan Syarah Aqidah Imam al-Nawawī*, (Kuala Lumpur: Nizamiyah Institute, 2022), 44.

<sup>35</sup> Al-Ghazālī, *al-Iqtisād*, 275-276.

<sup>36</sup> Pihak pembangkang juga dibenarkan untuk menyatakan sebab untuk menguatkan *al-man’* yang dia telah tuturkan. Sebab yang dinyatakan tersebut diistilahkan sebagai *al-sanad* disisi sarjana ilmu *ādāb al-baḥṭh*. Al-Binjawīnī, *Ḥāshiah al-Binjawīnī*, 131-132.



**Konsep Ketiga: Al-Naqd (Pembatalan Dalil)<sup>37</sup>**

Al-Taftāzānī menerusi *Sharḥ al-Aqā'id al-Nasafiyyah* membatalkan dakwaan kemustahilan *ru'yah* dengan menggunakan kaedah *al-naqd al-shabīh*<sup>38</sup> yakni membuktikan dakwaan al-Mu'tazilah dalam isu ini menatijahkan perkara yang mustahil. Menurut al-Taftāzānī, Mūsā a.s. telah meminta kepada Allah Taala untuk melihat-Nya berdasarkan firman-Nya dalam surah al-A'rāf. Seandainya benar dakwaan mereka bahawa melihat Allah Taala itu merupakan perkara yang mustahil, ia bermaksud bahawa Baginda telah meminta perkara yang mustahil bagi Allah Taala sedangkan mustahil sama sekali para nabi tidak mengetahui terhadap perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah Taala<sup>39</sup>. Justeru, sanggahan dan hujah al-Taftāzānī dalam isu ini boleh dirangka dalam bentuk berikut:

Lafaz <i>al-Naqd</i>	Dakwaan Allah Taala tidak boleh dilihat menatijahkan perkara yang tidak benar.
Lafaz <i>al-Shāhid</i> <sup>40</sup>	Kerana ia melazimkan Mūsā AS meminta perkara yang mustahil dan melazimkan Baginda jahil mengenai hukum ketuhanan <sup>41</sup> .

Melalui konsep *al-naqd* yang digunakan oleh al-Taftāzānī dalam perbahasan ini, beliau berjaya membuktikan kerancuan yang ada dalam dakwaan kemustahilan *ru'yah* menurut al-Mu'tazilah.

**Konsep Keempat: Al-Mu'aradah (Pertembungan Dalil)<sup>42</sup>**

Al-Sanūsī menerusi *Sharḥ al-Aqīdah al-Kubrā* mengaplikasikan kaedah ini ketika membatalkan dalil pihak al-Mu'tazilah dalam masalah melihat Allah SWT<sup>43</sup>. Menurut al-Sanūsī, pihak Mu'tazilah mendakwa bahawa Allah SWT itu mustahil dilihat berdalilkan firman Allah SWT sebagai menjawab permintaan Nabi Mūsā AS yang meminta untuk melihat-Nya dalam ayat ke-64 surah al-A'rāf. Pihak al-Mu'tazilah mengatakan bahawa *lan* pada firman Allah SWT لن تراني itu memberi faedah *al-Ta'bīd* (keabadian). Oleh yang demikian, dakwaan dan dalil pihak al-Mu'tazilah boleh dirangka dalam bentuk berikut:

Dakwaan	Allah SWT tidak boleh dilihat
<i>Muqadimmah Ṣughrā</i>	(Hal ini kerana) Allah SWT mengatakan kepada Nabi Mūsā bahawa dia tidak boleh melihat-Nya.

<sup>37</sup> Lihat nota kaki ke-22 untuk penerangan definisinya.

<sup>38</sup> Lihat nota kaki ke-22 untuk penerangan definisinya.

<sup>39</sup> Al-Taftāzānī, Mas'ūd bin 'Umar, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyyah*, taḥqīq Anas al-Sharfāwī, (Damsyik: Dār al-Taqwā, 2020), 204.

<sup>40</sup> Setiap *al-naqd* pasti akan diiringi dengan perkara yang menunjukkan kesilapan dalil serta perkara yang mustahil yang lazim daripada dalil tersebut. Ia digelar sebagai *al-shāhid*. Lihat al-Junghūrī, *Sharḥ al-Rashīdiyyah 'alā al-Risālah al-Sharīfiyyah*, 33.

<sup>41</sup> Oleh yang demikian al-Ghazālī berkata bahawa dalam masalah ini, kita diberikan pilihan untuk menjahilkan Baginda AS ataupun al-Mu'tazilah. Maka pilih lah yang mana lebih layak. Lihat al-Ghazālī, *al-Iqtisād fī al-'Itiqād*, 289.

<sup>42</sup> Lihat nota kaki ke-23 untuk penerangan definisinya.

<sup>43</sup> Lihat al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf, *Sharḥ al-'Aqīdah al-Kubrā*, taḥqīq Anas al-Sharfāwī, (Damsyik: Dār al-Taqwā, 2019), 495-497.

<i>Muqadimmah Kubrā</i>	Setiap yang menegaskan kepada pihak lain bahawa mereka tidak boleh melihatnya menatijahkan ia tidak boleh dilihat.
-------------------------	--

Lalu, al-Sanūsī menjawab dengan dakwaan ini dengan menggunakan dalil yang sama namun menghasilkan natijah yang berbeza<sup>44</sup>. Beliau berkata ayat tersebut menunjukkan keharusan melihat Allah SWT berdalilkan bahawa seandainya Allah SWT itu mustahil untuk dilihat, pasti Dia akan menjawab kepada Nabi Mūsā AS bahawa Dia itu tidak boleh dilihat ataupun mustahil untuk melihat-Nya sebaliknya Dia menjawab Baginda yang tidak mampu melihat-Nya<sup>45</sup>.

Justeru, dakwaan dan hujah al-Sanūsī boleh dirangka dalam bentuk berikut:

Dakwaan	Allah SWT itu boleh dilihat
<i>Muqadimmah Şughrā</i>	(Hal ini kerana) Allah SWT Allah SWT mengatakan kepada Nabi Mūsā bahawa dia tidak boleh melihat-Nya.
<i>Muqadimmah Kubrā</i>	Setiap yang menegaskan kepada pihak lain bahawa mereka tidak boleh melihatnya menatijahkan ia boleh dilihat.

Oleh yang demikian, terbukti bahawa Allah Taala itu boleh dilihat berdasarkan kaedah *al-Mu'āraḍah* yang ditonjolkan oleh al-Sanūsī ini. Beliau berjaya menjelaskan bahawa sebenarnya ketidakmampuan untuk melihat itu ialah pada Mūsā AS sendiri dan bukannya kerana diri-Nya itu sendiri tidak boleh dilihat. Perkara ini gagal difahami oleh al-Mu'tazilah sehingga menyebabkan mereka tersesat dalam isu ini.

## Kesimpulan

Tradisi dan disiplin ilmu *ādāb al-baḥth wa al-munāẓarah* sudah lama mendapat tempat dalam penulisan sarjana Islam yang silam serta dalam perbincangan dan perdebatan sesama mereka. Penerimaan ulama silam terhadap disiplin ilmu ini secara berzaman menunjukkan ia mempunyai kepentingan yang amat signifikan dalam menjadikan budaya ilmiah ketika perselisihan pendapat dapat dihidupkan dengan sihat. Keberkesanan disiplin ilmu ini sebagai medium untuk memahami dengan kritis isu *ru'yah Allāh* membuktikan bahawa ilmu ini sewajarnya diberikan perhatian oleh para pengkaji dan pelajar terutamanya ilmuwan yang berkecimpung dalam bidang akidah dan pemikiran.

Kini, program-program yang melibatkan perbincangan dan wacana antara aliran pemikiran semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat khususnya di Malaysia ini sejak mutakhir ini. Meskipun dengan pelbagai nama dan gelaran seperti perdebatan, muzakarah dan dialog, ia tetap mempunyai rangka umum yang sama iaitu membincangkan perkara yang diperselisihkan antara dua pihak khususnya perkara-perkara yang melibatkan isu akidah.

<sup>44</sup> Kaedah ini dikenali sebagai *al-Mu'āraḍah bi al-Qalb* iaitu persamaan pada dalil daripada sudut bentuk dan rangka (*al-ṣūrah*) serta komponen (*al-māddah*) namun berbeza pada premis major. Lihat Muṣṭafā 'Abd al-Nabī, *Al-Īnās wa al-Musāmarah*, 170.

<sup>45</sup> Sebagai contoh, apabila dihidangkan makanan di hadapan orang yang berpuasa, lalu dia bertanya adakah makanan ini boleh dimakan. Seandainya dia menjawab makanan ini tidak boleh dimakan, ia bermaksud sememangnya makanan itu bersifat tidak boleh dimakan disebabkan beracun atau seumpamanya. Namun seandainya dia menjawab bahawa orang yang berpuasa tidak boleh memakannya, ini menunjukkan bahawa makanan itu sebenarnya boleh sahaja dimakan namun bukannya untuk orang yang berpuasa.

Melalui artikel ini, penulis cuba menonjolkan sisi dan kepentingan ilmu *ādāb al-baḥth* dalam memastikan dialog-dialog inter-mazhab dapat berlangsung dengan sihat serta mencapai tujuan akhir yang hakiki bagi suatu dialog iaitu mencapai kebenaran. Kepentingannya dalam mencerakin dan menganalisa hujah-hujah dalam perdebatan sekitar isu *ru'yah Allāh* dapat dilihat daripada artikel ini. Selaras dengan konsep Islam sebagai agama yang berteraskan hujah dan bukti, ilmu *ādāb al-baḥth* sememangnya menyediakan sebuah rangka ilmu yang lengkap sebagai panduan apabila berlaku perselisihan pendapat sama ada dalam isu akidah ataupun fiqh.

### Bibliografi

- Al-Āmidī, ‘Abd al-Wahhāb bin al-Ḥusayn. *Sharḥ al-Risālah al-Waladiyyah, taḥqīq* ‘Abd al-Ḥamīd al-‘Isāwī. Amman: Dār al-Nūr, 2014.
- Al-Ash‘arī, Muḥammad bin Ismā‘īl. *al-Luma’ fī al-Radd ‘alā Ahl al-Zaygh wa al-Bida’, taḥqīq* Ḥasan al-Shāfi‘ī. Mesir: Dār al-Ḥukamā’ Lil al-Nashr, 2021.
- Al-Ash‘arī, Muḥammad bin Ismā‘īl. *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, taḥqīq Na‘īm Zarzūr. T.t: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2005.
- Al-Binjawīnī, ‘Abd al-Rahmān. *Hāshiah al-Binjawīnī ‘alā Risālah Ādāb al-baḥth wa al-Munāzarah, taḥqīq* Dhunnūn al-Faṭḥī. Beirut: Dār al-Rayyāhīn, 2020.
- Al-Dawwānī, Jalāla al-Dīn Muḥammad bin As‘ad. *Sharḥ al-Muḥaqqiq al-Dawwānī ‘alā Tahdhīb al-Manṭiq, taḥqīq* ‘Abd al-Naṣīr al-Malībārī. Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, 2014.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad. *al-Iqtisād fī al-I‘tiqād*, taḥqīq Muṣṭafā ‘Imrān. Kaherah: Dār al-Bashā’ir, 2008.
- Al-Junghūrī, ‘Abd al-Rashīd. *Sharḥ al-Rashīdiyyah ‘alā al-Risālah al-Sharīfiyyah fī Ādāb al-baḥth wa al-Munāzarah*, taḥqīq ‘Alī Muṣṭafā al-Gharābī. Mesir: Maktabah al-Īmān lil Ṭibā‘ah, 2006.
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad. *Sharḥ al-Mawāqif*, taḥqīq Maḥmūd al-Dimyātī. Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1998.
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad. *Al-Ta’rīfāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.
- Al-Kalanbawī, Muḥammad bin Ismā‘īl. *Sharḥ al-Kalanbawī ‘alā Īsāghūjī, taḥqīq* Jādallāh Bassām. Amman: Dār al-Nūr, 2016.
- Al-Khaṭṭābī, Abū Sulaymān. *Ma‘ālim al-Sunan*, taḥqīq Muḥammad Rāghib. Aleppo: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, 1932.
- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1911.
- Al-Qāḍī ‘Abd al-Jabbār. *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah, taḥqīq* Fayṣal ‘Awn. Kuwait: Kuwait University Translation and Publication Committee, 1998.
- Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf. *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Kubrā, taḥqīq* Anas al-Sharfāwī. Damsyik: Dār al-Taqwā, 2019.
- Al-Sayālakūtī, ‘Abd al-Ḥakīm. *Hāshiah al-Muḥaqqiq ‘Abd al-Ḥakīm al-Sayālakūtī ‘alā Hāshiah al-Khayālī ‘alā Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah*. Kaherah: Dār Mīrāth al-Nubuwwah, 2019.
- Al-Shawqī, Aḥmad bin ‘Abdullāh. *Hāshiah al-Shawqī ‘alā al-Fanārī ‘alā Īsāghūjī*. Kaherah: Dār al-Sulṭānah, t.t.
- Al-Taftāzānī, Mas‘ūd bin ‘Umar. *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah, taḥqīq* Anas al-Sharfāwī. Damsyik: Dār al-Taqwā, 2020.
- Al-Taftāzānī, Mas‘ūd bin ‘Umar. *Sharḥ al-Risālah al-Shamsiyyah fī Tahṛīr al-Qawā’id al-Manṭiqiyyah, taḥqīq* Mas‘ūd Sa‘īdī. Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, 2022.

- Ḥājī Khalīfah. *Kashf al-Zunnūn ‘an Asāmī al-Kutub wa al-Funūn*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1941.
- Ibn Fūrak. *Mujarrad Maqālāt al-Ash‘arī, taḥqīq* Aḥmad ‘Abd al-Raḥīm. Kaherah: Maktabah al-Thaqāfah al-Diniyyah, 2005.
- Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Raḥman bin Muḥammad. *Muqadimmah Ibn Khaldūn, taḥqīq* ‘Abdullāh Muḥammad Darwīsh. Damsyik: Dār Yu‘rab, 2004.
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir: 1994.
- Kamarzaman, M. H., Azmi, M. F., Mahmood, A. R., Stapa, Z., Wan Zakaria, W. F. A., & Ismail, I. “Terjemahan Kitab al-Luma‘ dan Analisis Perbahasan Ru’yah Allah Menurut al-Ash‘ari: Translation of al-Luma‘ and Discussion of Ru’yah Allah According to al-Ash‘ari.” *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 2020, 22(1), 1-34.
- Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin al-Ṣiddīqī, *Huraian dan Syarah Aqidah Imam al-Nawawi*. Kuala Lumpur: Nizamiyyah Institute, 2022.
- Muḥammad Dhunnūn al-Faṭḥī. *‘Ilm Ādāb al-Baḥth wa al-Munāẓarah Manhaj al-Baḥth al-‘Ilmī al-Islāmī*. Amman: Dār al-Faṭḥ, 2018.
- Muṣṭafā ‘Abd al-Nabī. *Al-Inās wa al-Musāmarah ‘alā Risālah Ādāb al-baḥth wa al-Munāẓarah*. Kuwait: Dār al-Ḍiyā’, 2021.
- Tai, M. ., & Oruç, R. “Uses, Motives, Functions, and Virtues of Silence in Argumentation in Light of Jadal and Ādāb al-Baḥth wa al-Munāẓarah.” *Afkar: Jurnal Akidah Pemikiran Islam*, 2021, 23(2), 225-248.